

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Sinar Harian
Date	31 August 2015

## Beri tauladan tidak baik

**ALOR SETAR** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tidak wajar menghadiri perhimpunan Bersih4.0, malam kelmarin.

Pensyarah Kanan Hal Ehwal Politik dan Antarabangsa, Pusat Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), Md Shukri Shuib berkata, tindakan itu memberi tauladan yang tidak baik kepada masyarakat setelah kerajaan menyifatkan ia sebagai satu perhimpunan yang menyalahi undang-undang.

"Tindakan Dr Mahathir sekalu bekas Presiden Umno menghadiri perhimpunan Bersih 4.0 dilihat cukup mengecewakan masyarakat.

"Bagi saya, walau apa pun ketidakpuasan hati beliau terhadap kepimpinan kerajaan hari ini, adalah tidak wajar mengambil keputusan sedemikian" katanya kepada *SinarHarian*.

Menurutnya, tahap populariti Dr Mahathir dalam kalangan rakyat yang dilihat sebagai negarawan ulungjuga tidak memberikan kelebihan kepada beliau untuk bertindak sebegitu.

"Dr Mahathir sepatutnya memikirkan kesan dan tindakan itu. Kita menghormati beliau tetapi langkah menghadiri perhimpunan itu amat menyedihkan.

"Bahkan ini menjadi tanda tanya ramai anggota masyarakat



MD SHUKRI

kat terutamanya penyokong Umno sendiri," katanya.

Bagaimanapun, beliau menyifatkan keputusan Pas dan kepimpinan parti itu yang tidak membenarkan penyokongdan ahlinya menyertai himnpunan tersebut adalah langkah terbaik.

"Saya melihat kehadiran Dr Mahathir ke himpunan itu memburukkan lagi keadaan dan kestabilan negara. Secara ilmiah rasionalnya juga kita tidak boleh menyokong langkah tersebut dalam halsepertiini.

"Matlamat tidak boleh menghalalkan cara. Beliau sebagai negarawan tidak wajar bertindak atau menyokong demonstrasi atas apa tujuan sekalipun," katanya.

Penganalisis politik itu turut berpandangan bahawa perjumpaanDrMahathirbersama penyokong himpunan Bersih 4.0 tidak membawa sebarang faedah kepada negara.